



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 10 APRIL 2026 (JUMAAT)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **050201** dan **050202** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>BUTIR-BUTIR TAWARAN</b>	<b>JADUAL T/P&amp;P</b>	<b>KAEDAH PEROLEHAN</b>
1.	Tender Pembekalan Valganciclovir 450mg Tablet Sebanyak 389,000 Tablet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement) <b>No. Tender : QT26000000002675</b>	39/2026	Secara ePerolehan
2.	Tender Pembekalan Exemestane 25mg Tablet Sebanyak 936,900 Tablet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement) <b>No. Tender : QT26000000002659</b>	40/2026	
3.	Tender Pembekalan Antithymocyte Immunoglobulin ( <i>From Rabbit</i> ) 5mg/ml Injection Sebanyak 6,000 Vial Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun <b>No. Tender : QT260000000003248</b>	41/2026	
4.	Tender Pembekalan Ciclosporin 100mg/ml Oral Solution Sebanyak 3,300 Botol Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun <b>No. Tender : QT260000000003289</b>	42/2026	
5.	Tender Pembekalan Pine Tar 1%, Coal Tar 1% With Salicylic Acid 2% Solution Sebanyak 257,302 Botol Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (Pool Procurement) <b>No. Tender : QT26000000002033</b>	43/2026	

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	KAEDAH PEROLEHAN
6.	Tender Pembekalan Aprepitant 125mg & 80mg Capsule Sebanyak 51,130 Pack Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (Pool Procurement) No. Tender : QT26000000002031	44/2026	
* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u>			

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **10 April 2026 (Jumaat)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **04 Mei 2026 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**